

Lima pusat pemindahan dibuka semula

Banjir Johor kembali meruncing

KUALA LUMPUR - Keadaan banjir di Johor meruncing semula berikutan hujan lebat di dua daerah iaitu Kota Tinggi dan Johor Bahru sejak malam kelmarin menyebabkan paras air kembali meningkat dan lima pusat pemindahan banjir dibuka semula.

Malahan daerah Kota Tinggi kini terpaksa bergelap berikutan bekalan elektrik diputuskan semula oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk keselamatan kerana paras air, yang telah surut semalam dengan bacaan 0.3 meter, kembali meningkat kepada 0.6 meter malam semalam.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor berkata Balai Raya, lima pusat pemindahan yang dibuka semula di Johor Bahru adalah Dewan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Pu Sze, Dewan Sengkang, Masjid Jamek Kampung Lorong Arif, Sekolah Agama Cahaya Masai dan Balai Raya Kampung Bukit Pulai.

Beliau berkata, Kampung Laut Batu 10 Skudai di Johor Bahru kembali dilanda banjir sehingga paras dada menyebabkan 700 penduduknya dipindahkan ke Dewan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Pu Sze dan kira-kira 200 orang lagi dipindahkan ke Masjid Jamek Kampung Lorong Arif, Skudai.

Keseluruhan mangsa yang berada di pusat-pusat pemindahan di se-



BANJIR yang melanda semula Kampung Laut Batu 10, Skudai, Johor Bahru semalam.

luruh Johor sehingga pukul 8 malam semalam adalah seramai 56,877 orang iaitu 1,208 di Johor Bahru, Batu Pahat (24,315), Muar (20,344), Kota Tinggi (5,756), Segamat (3,813), Pontian (381), Mersing (694) dan Kluang (366), katanya.

Menurut jurucakap itu, jalan Kota Tinggi-Mersing di KM12 menuju ke Mawai hanya dibuka kepada kenderaan berat manakala kenderaan ringan boleh melalui jalan alternatif Kota Tinggi-Desaru untuk ke Mersing melalui Felda Sungai Mas.

Di Segamat, Jalan Batu 7 Segamat-Tangkak dan Jalan Segamat-Gemas turut ditutup manakala jalan-jalan yang ditutup di Muar ialah KM3 dan KM7 Jalan Pagoh-Lenga, Jalan Bukit Kepong-Labis, Jalan Pagoh-Panchor, Batu 5 Jalan Sungai

Mati-Muar dan Jalan Muar-Tangkak di Pekan Layang.

Di **Batu Pahat** beberapa laluan kampung di Seri Medan juga terputus yang membabitkan Jalan Sungai Parit Sikun, Parit Terus dan Jalan Seri Pasir manakala Jalan Muar-Yong Peng-Parit Sulong juga terputus berikutan kenaikan air pada paras 0.5 meter.

Jalan Tongkang Pecah-Parit Jalil, Batu 5 Yong Peng-Parit Sulong dan Jalan Parit Karjo-Senggarang juga tidak boleh dilalui manakala Pekan Parit Sulong terjejas teruk dengan kenaikan air sedalam 0.3 meter, kata jurucakap itu.

Beliau berkata jumlah korban banjir di seluruh negeri masih lapan orang dan usaha mengesan Mohd. Lokman Zakaria, 17, pembantu di sebuah pasar raya di bandar Kota Tinggi, yang dikhuatiri menjadi mangsa lemas terbaru daerah itu masih dijalankan.

Di **Pahang**, mangsa banjir yang ditempatkan di 16 pusat pemindahan di daerah Rompin dan Pekan sehingga 8 malam semalam berkurangan kepada 2,085 orang berbanding 2,699 orang petang semalam.

Di **Melaka**, jumlah mangsa banjir juga semakin berkurangan kepada 3,756 orang sehingga pukul 8 malam ini berbanding 4,047 petang tadi di lapan buah pusat pemindahan banjir. - Bernama